

Pembantu pengasuh dipenjara setahun

Sinar Harian

27/10/15

m/s 35

Mengaku salah dera kanak-kanak lelaki di sebuah pusat asuhan

■ RUBIAH OMAR

KUALA TERENGGANU - Mahkamah Sesyen di sini, semalam, menjatuhkan hukuman penjara setahun kepada seorang pembantu pengasuh di sebuah pusat asuhan yang mendera seorang kanak-kanak lelaki berusia 13 bulan.

Raja Norafida Adilla Raja Hussin, 23, dari Jalan Bukit Keluang, Kampung Tanjong Demong, Kampung Raja Besut, Besut, dijatuhkan hukuman berkenaan selepas mengaku salah telah melakukan penganiayaan kepada mangsa.

Dia yang masih bujang itu mengaku salah telah bertindak sedemikian sehingga telah menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa di Taska Melily, Lorong Paya Jambul, Jalan Bukit Kecil, di sini, pada 15 Oktober lalu, jam lebih kurang 4 petang.

Dengan itu, Raja Norafida Adilla mengaku salah melakukan kesalahan mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang memperuntukkan hukuman denda tidak lebih RM20,000 atau penjara selama tempoh tidak lebih 10 tahun, atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan.

Pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Zalina Awang @ Mamat di hadapan Hakim Tuan Murtazadi Amran.

Berdasarkan fakta kes, ibu mangsa menerima satu salinan video yang telah dihantar



Raja Norafida Adilla Raja Hussin, 23, dijatuhkan hukuman penjara setahun oleh Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, selepas mengaku salah mendera seorang kanak-kanak lelaki berusia 13 bulan.

oleh rakannya yang memaklumkan mangsa telah dianiaya dan diabaikan oleh Raja Norafida Adilla dengan bertindak menampar muka beberapa kali dan juga menutup muka mangsa dengan sehelai tuala supaya berhenti menangis.

Sejurus melihat sendiri rakaman video itu, ibu mangsa terus membuat laporan polis dan

dalam laporan itu, ibu mangsa memaklumkan pada 21 Oktober lalu, lebih kurang jam 6.30 petang, dia menerima panggilan telefon daripada rakannya memberitahu ada video kanak-kanak didera.

Kemudian dia telah melihat video yang dihantar dan mendapati kanak-kanak dimaksudkan adalah anaknya sendiri yang baru berusia 13 bulan.

Mangsa telah ditampar beberapa kali, selain itu mangsa telah ditutup mukanya dengan menggunakan sehelai tuala.

Ibu mangsa sangat terkejut dan sedih kerana mangsa adalah anaknya yang telah diberi kepercayaan olehnya untuk dijaga dengan baik oleh taman asuhan tersebut.

Segala kepercayaan dan amanah yang diberikan telah dikhianati sebelum nekad membuat laporan polis.

Sebelum ini, media ada menyiarkan mengenai rakaman sebuah video berdurasi 44 saat yang menjadi viral, telah membongkar rahsia seorang kanak-kanak lelaki dipercayai menjadi mangsa dera sebuah pusat asuhan kanak-kanak di daerah ini.

Kejadian yang menimpa kanak-kanak berusia 13 bulan itu hanya diketahui ibunya selepas menerima rakaman video daripada seorang rakannya. Video tersebut menunjukkan anaknya dipukul dan ditampar seorang wanita dipercayai pengasuh pusat asuhan itu.